

**Bahagian A: (10 markah)**

*Pilih perkataan berlawan/berpasang maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item di bawah ini.*

1. **Raja** di negeri itu sangat disayangi oleh rakyatnya.

Dayang  
Puteri  
Sultana  
Permaisuri

2. **Puan** Maimun telah dijemput untuk menghadiri majlis keramaian tersebut.

Datuk  
Suami  
Tuan  
Encik

3. Air kolam itu terlalu **dalam** buat adik.

cetek  
banyak  
sempit  
luar

4. Orang Islam dilarang memakan makanan yang **haram**.

manis  
busuk  
halal  
mahal

5. Osman ialah **kawan** sedarjah saya.

seteru  
rakan  
teruna  
murid

**Bahagian B: (10 markah)**

*Pilih perkataan seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang*

*bergaris bawah bagi setiap item.*

1. "Hati-hati semasa menyeberang **jembatan** usang itu," pesan bapa.

jalan  
rumah  
papan  
titi

2. Perempuan tua itu **dakap** anaknya erat-erat.

peluk  
dukung  
pukul  
buang

3. "Harum sungguh bau bunga **kemboja**," kata Salimah.

matahari  
mawar  
cempaka  
raya

4. Budak lelaki itu sedang duduk di **pinggir** sungai.

tepi  
atas  
kuala  
tengah

5. Pelarian itu mengambil masa selama sebulan untuk merentas **hutan** tersebut.

pokok  
rimba  
kayu  
sawah

**Bahagian C: (10 markah)**

*Pilih menjodoh bilangan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.*

1. Monyet itu sedang memanjat se\_\_\_\_\_ pokok kelapa.

biji  
tangkai  
baris  
batang

2. Di jari manis kakak ada se\_\_\_\_\_ cincin emas.

pasang  
bentuk  
ketul  
butir

3. Adik terjumpa se\_\_\_\_\_ wang kertas.

pucuk  
buah  
naskah  
keping

4. Dia tertelan se\_\_\_\_\_ biji nangka.

ulas  
butir  
buah  
bentuk

5. Perempuan itu membawa se\_\_\_\_\_ payung.

bidang  
batang  
utas  
kaki

#### Bahagian D: (10 markah)

Pilih makna pepatah yang sesuai bagi item di bawah ini.

1. Jika kita tidak rajin berusaha, cita-cita kita tidak akan mudah dicapai.

Kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.  
Kalau tidak pecahkan ruyung, masakan dapat sagunya.  
Ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras.

2. Lebih baik mati daripada menanggung malu.

Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.  
Biar putih tulang, jangan putih mata.  
Enggang sama enggang, pipit sama pipit.  
Hidung tak mancung, pipi tesorong-sorong.

3. Jika kita bersalah, kita harus cepat sedar dan insaf supaya kita tidak jauh terpesong.

Kalau baik jadikan teladan, kalau jahat jadikan sempadan.  
Yang dikehilangan tak dapat, yang dikendong berciciran.  
Sekali jalan kena, dua kali jalan tahu.  
Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.

4. Setiap orang mempunyai pendapat atau kemahuan yang berbagai-bagai.

Siapa makan lada, dia terasa pedas.  
Rambut sama hitam, hati lain-lain.  
Lembu punya susu, sapi punya nama.  
Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

5. Kita harus menunaikan setiap janji yang kita buat.

Kerbau dipegang talinya, manusia dipegang janjinya.  
Kalau tidak kerana angin, takkan pokok bergoyang.  
Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri.  
Bercakap siang pandang-pandang, bercakap malam dengar-dengar.

#### Bahagian E: (10 markah)

Pilih kata hubung yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.  
Kemudian, tulis abjad pilihan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan. Gunakan setiap jawapan hanya sekali sahaja.

A. sambil	E. jika
B. walaupun	F. untuk
C. dan	G. hingga

D. dari

H. daripada

1. Karim berjalan  bersiul.
2. Sudu itu dibuat  emas.
3.  hari hujan, kami tidak akan bermain bola di padang.
4. Dia tetap ke sekolah  dia demam.
5. Warna kegemaran saya ialah biru  kuning.

**Bahagian F : (10 markah)**

*Baca petikan karangan ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan yang mengikutinya.*

1. itu / cuaca / panas / pada / sangat / tengahari

  


2. membuka / bilik adik / di dalam / emak / kipas angin

  


3. gelisah / adik / tidur / kerana / merasa / tidak dapat

  


4. tersedu-sedu / dia / asyik / hingga / menangis

  


5. kerja / dari / bapa / pulang / baru

  


**Bahagian G : (10 markah)**

*Lengkapkan cerita ini dengan perkataan yang sesuai. Isikan setiap tempat kosong ini dengan sepatah perkataan sahaja. Kemudian, tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.*

Semalam, Salleh telah didenda [ ] gurunya kerana dia telah melanggar [ ] sekolah dengan tidak memakai lencana sekolah. Sebelum ini, Salleh pernah juga terlupa hendak [ ] lencana sekolah dan dia telah diberi [ ] oleh gurunya. Kali ini dia didenda.

Guru menyuruh [ ] membersihkan bilik darjah. Kemudian, guru menasihatinya. Guru memberitahu semua murid-murid tentang pentingnya peraturan itu.

**Bahagian H : (10 markah)**

*Baca petikan karangan ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan yang mengikutinya.*

"Hoi!" jerit Jamil ke arah gua puaka itu.

Tiba-tiba gergasi yang ganas itu pun keluar dari gua tersebut. Gergasi itu mengejar Jamil. Jamil tidak bergerak walaupun dia berasa agak gerun sedikit. Dia hanya berdiri tegak di luar gua. Tiba-tiba, kaki gergasi itu terpijak jerat samar yang telah dibuat oleh Jamil terlebih dahulu. Gergasi itu pun terjatuh ke dalam sebuah lubang dan terbenam hingga ke paras bahu.

Gergasi yang ganas itu pun menjerit dengan sekuat hati. Jamil mengeluarkan sebilah parang lalu dihayunkan parang itu ke arah gergasi itu.

1. Mengapakah Jamil menjerit ke arah gua itu?  
Jamil menjerit ke arah gua itu untuk ...

melegakan tekaknya.  
menakutkan gergasi yang ganas itu.  
mengajak gergasi itu pulang.  
menarik perhatian gergasi.

2. Mengapakah Jamil tidak lari semasa dikejar oleh gergasi itu?

Jamil tidak lari semasa dikejar oleh gergasi itu kerana ...

dia berani.

dia telah membuat jerat samar terlebih dahulu.

dia mahu membunuh gergasi itu.

gergasi itu mahu memakannya.

3. Apakah makna perkataan "terbenam" dalam perenggan kedua, ayat terakhir?  
"Terbenam" ertinya ...

terpijak.

tenggelam.

tertanam.

tercacak.

4. Pada pendapat kamu, mengapakah gergasi itu menjerit sekuat hati?

Pada pendapat saya, gergasi itu menjerit sekuat hati kerana ...

dia berasa sejuk.

dia berasa marah.

dia berasa lapar.

badannya kotor.

5. Pada pendapat kamu, apakah yang terjadi kepada gergasi itu akhirnya?

Pada pendapat saya, akhirnya gergasi itu ...

mati kelaparan.

mati kepenatan.

mati kerana terkejut.

mati dibunuh oleh Jamil.

### Bahagian I : (20 markah)

Baca cerita ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

Pada suatu petang, dua orang budak sedang berjalan pulang dari sekolah. Seorang bernama Rosli dan seorang lagi bernama Azman.

Setelah berjalan selama beberapa minit, mereka tiba di sebuah jejatas. Azman berasa letih setelah berjalan agak jauh. Dia tidak mahu menggunakan jejatas tersebut untuk menyeberang jalan raya.

Azman cuba merentas sekatan jalan raya tetapi telah dilarang oleh kawannya, Rosli. Kata Rosli, "Perbuatan kamu ini sangat bahaya, Azman. Kenderaan di jalan raya ini agak sibuk. Elok kita gunakan jejatas."

Azman dan Rosli pun berjalan menuju ke arah jejatas tersebut.

1. Dari manakah Azman dan Rosli datang?

Azman dan Rosli sedang

2. Mengapakah Azman tidak mahu menggunakan jejatas untuk menyeberang jalan raya?

Azman tidak mahu menggunakan jejatas untuk menyeberang jalan raya kerana dia

3. Apakah makna perkataan "letih" di dalam perenggan kedua, baris kedua?

"Letih" ertinya

4. Mengapakah perbuatan Azman untuk merentas sekatan jalan raya dilarang oleh Rosli?

Perbuatan Azman untuk merentas sekatan jalan raya dilarang oleh Rosli kerana ia

5. Pada pendapat kamu, apakah yang boleh berlaku ke atas Azman jika dia tidak menggunakan jejatas?

Pada pendapat saya, jika Azman tidak menggunakan jejatas, dia mungkin akan

